

Jitra FC, MDKP, Mada, Veteran ungguli kedudukan kumpulan

JITRA - Kejohanan Liga Kubang Pasu memperlihatkan empat pasukan sedang mengungguli kedudukan dalam kumpulan masing-masing.

Antara pasukan yang mengungguli kedudukan kumpulan adalah Jitra FC, MDKP, Veteran Kubang Pasu dan Mada FC yang memenangi perlawanan pertama minggu lalu.

Mewakili kumpulan A Jitra FC berkongsi mata bersama pasukan Asun FC yang mengekori rapat dengan pungutan tiga mata penuh dalam perlawanan pertama untuk dua minggu lalu.

Pasukan Majlis Daerah Kubang Pasu (MDKP) kini dilihat selesa kerana berjaya memenangi dalam perlawanan lalu, sekaligus berjaya menempah kedudukan teratas dalam kumpulan B namun, turut berkongsi tiga mata bersama pasukan dari Kolej Tentera Udara (KTU).

Tidak kurang hebatnya, Mada FC turut menempah tempat teratas untuk kumpulan C yang memungut tiga mata penuh dan berkedudukan selesa memandangkan dua pasukan di bawahnya iaitu SPN dan Satria FC berkongsi satu mata dalam perlawanan lalu.

Manakala Veteran Kubang Pasu turut mengutip tiga mata tanpa bolos menduduki tempat teratas kumpulan D tetapi, berkongsi mata bersama pasukan IKBN FC yang memenangi perlawanan lalu di laman sendiri.